



**JABATAN MUFTI NEGERI KEDAH**  
**IRSYAD AL-HUKMI**

**PANDANGAN FATWA MENGENAI ISU**  
**PENTAULIAHAN RASMI KEPADA KETUA SAMI BUDDHA MASYARAKAT SIAM**

Jabatan Mufti Negeri Kedah telah meneliti persoalan yang dikemukakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Agama Kerajaan Negeri Kedah dan bersetuju memberi pandangan seperti berikut;

1. Matlamat pelantikan Ketua Sami Buddha bagi komuniti Siam di Negeri Kedah hanyalah sebagai pengantara bagi memudahkan pihak Kerajaan Negeri menunaikan kewajiban menyalurkan sebarang bentuk bantuan demi menjaga kebajikan dan kepentingan masyarakat Siam. Pelantikan tersebut juga bukan sebagai ketua dalam sesebuah agensi atau organisasi rasmi yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri untuk komuniti tersebut.
2. Oleh itu, Pentaullahan Rasmi kepada Ketua Sami Buddha Masyarakat Siam tidak bertentangan dengan hukum Syarak. Ini merujuk tindakan Khalifah Saidina Umar Ibn. Al Khattab رضي الله عنه melantik ketua agama bagi seluruh kaum Yahudi di Iraq;

أن الخليفة عمر بن الخطاب رضي الله عنه أقر تعيين الحاخام الأكبر البستاني رئيس جالية اليهود بالعراق رئيسا دينيا لكل الطائفة اليهودية في العالم الإسلامي بعد أن فتح المسلمون العراق.<sup>1</sup>

Maksudnya; *Bahawasanya Khalifah Umar bin Al Khattab memperakukan pelantikan Ketua Rabbi Al-Bustani, ketua komuniti*

<sup>1</sup> <https://www.albayan.ae/five-senses/2001-09-03-1.1126708> اليهود في ظل الحضارة الإسلامية؛

*Yahudi di Iraq, sebagai ketua agama bagi seluruh komuniti Yahudi di bawah pemerintahan Islam setelah umat Islam menakluki Iraq.*

Bagaimanapun, jabatan ini berpandangan istilah 'wakalah pelantikan' adalah lebih sesuai digunakan berbanding 'Tauliah Rasmi' demi mengelak sebarang kekeliruan kerana istilah tersebut sering digunakan dalam pelantikan melibatkan orang Islam.

**TARIKH KEPUTUSAN : 10 OGOS 2020**